



10 April 2017
10 April 2017
P.U. (A) 117

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)
(NO. 2) 2017

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 2) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun taksiran 2018.

Pemakaian

2. Perintah ini terpakai bagi orang yang layak—

(a) yang perniagaannya telah beroperasi tidak kurang daripada dua puluh empat bulan; dan

(b) yang mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu dan mempunyai akaun untuk tempoh dua belas bulan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi setiap tahun taksiran itu.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini, “orang yang layak” ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) suatu perkongsian liabiliti terhad yang berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

- (c) suatu badan amanah;
- (d) seseorang pentadbir harta pusaka bagi individu yang telah meninggal dunia yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya; dan
- (e) seseorang penerima yang berkenaan dengannya subseksyen 68(4) Akta terpakai,

yang bermastautin di Malaysia.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (2) dan (3) yang diperoleh daripada menjalankan suatu perniagaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (3), amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut cara yang berikut:

- (a) pertama, amaun perbezaan antara pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu (selepas ini disebut sebagai “amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai”) hendaklah ditentukan;
- (b) kemudian, peratusan amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai (selepas ini disebut sebagai “peratus nilai peningkatan”) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A - B}{B} \times 100$$

iaitu A ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan orang yang layak itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan

B ialah amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada suatu punca yang terdiri daripada suatu perniagaan orang yang layak itu dalam tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu;

(c) kemudian, amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan dengan menggunakan formula yang berikut:

(i) jika peratus nilai peningkatan ialah 20 peratus atau lebih:

$$\frac{C}{D} \times E$$

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 20 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;

(ii) jika peratus nilai peningkatan ialah 15 hingga 19.99 peratus:

C X E
D

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 21 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;

(iii) jika peratus nilai peningkatan ialah 10 hingga 14.99 peratus:

C X E
D

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 22 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai; atau

(iv) jika peratus nilai peningkatan ialah 5 hingga 9.99 peratus:

C X E
D

iaitu C ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana

yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta yang dikurangkan dengan amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar 23 peratus;

D ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar cukai semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta; dan

E ialah amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

(3) Jika orang yang layak ialah suatu syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasanya sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang atau suatu perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau barang-barang) sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang, pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut cara yang berikut:

(a) pertama, amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan peratus nilai peningkatan hendaklah masing-masing ditentukan mengikut cara yang dinyatakan di bawah subsubperenggan (2)(a) dan (b);

(b) kemudian, jika amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai merupakan sebahagian daripada amaun lima ratus ribu ringgit yang pertama pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pengecualian

di bawah subperenggan (1) tidak terpakai bagi amaun peningkatan itu; dan

- (c) kemudian, jika amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai merupakan sebahagian daripada amaun yang melebihi amaun lima ratus ribu ringgit yang pertama pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah ditentukan dengan menggunakan formula di bawah subsubperenggan (2)(c) mengikut peratus nilai peningkatan yang ditentukan di bawah subsubperenggan (a) bagi amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang tidak merupakan sebahagian daripada amaun lima ratus ribu ringgit yang pertama pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(4) Bagi maksud subsubperenggan (2)(a), amaun peningkatan pendapatan yang boleh dikenakan cukai hendaklah ditentukan tanpa mengambil kira mana-mana kerugian yang tidak diserap atau elaun yang tidak diserap dalam tahun taksiran itu dan tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu menurut—

- (a) subseksyen 43(2) Akta;
- (b) perenggan 4 Jadual 7A kepada Akta;
- (c) subseksyen 25(3), 25(4), 29(5), 29A(5), 29B(4), 29D(4), 29E(4), 29F(4), 29G(4), 29H(4), 29J(4), 29K(4) dan 29O(6) dan perenggan 29L(3)(c), (4)(c), (5)(c) dan (6)(c) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327]; dan

- (d) mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen 127 Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali berkenaan dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta.

Ketidakpakaian

5. Perintah ini tidak terpakai bagi orang yang layak yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran —

- (a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (c) telah diberikan suatu pengecualian di bawah seksyen 127 Akta;
- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi relif kumpulan di bawah seksyen 44A Akta;
- (e) merupakan suatu syarikat pemegangan pelaburan di bawah seksyen 60F atau 60FA Akta;
- (f) merupakan suatu unit amanah yang ditakrifkan di bawah subseksyen 63c(5) Akta; atau
- (g) mempunyai hutang yang telah mendapat pelepasan di bawah subseksyen 30(4) Akta.

Dibuat 10 April 2017

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)]LD.14(SK.11); LHDN.01/10.5-1/60-21; PN(PU2)80/LXXXIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai
Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 2) Order 2017**.

(2) This Order has effect for the year of assessment 2017 and year of assessment 2018.

Application

2. This Order applies to a qualifying person—

(a) whose business has been in operation for not less than twenty four months; and

(b) who has chargeable income from a source consisting of a business in the basis period for a year of assessment and the year of assessment immediately preceding that year of assessment and has made up its account for a period of twelve months ending on the same date for each of those years of assessment.

Interpretation

3. In this Order, “qualifying person” means—

(a) a company incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*];

(b) a limited liability partnership registered under the Limited Liability Partnership Act 2012 [*Act 743*];

- (c) a trust body;
- (d) an executor of an estate of a deceased individual who was domiciled outside Malaysia at the time of his death; and
- (e) a receiver with respect to whom subsection 68(4) of the Act applies,

resident in Malaysia.

Exemption

4. (1) The Minister exempts a qualifying person from the payment of income tax in respect of the amount of chargeable income as ascertained in subparagraphs (2) and (3) derived from the carrying on of a business in the basis period for a year of assessment.

(2) Subject to subparagraph (3), the amount of chargeable income exempted under subparagraph (1) shall be ascertained in the following manner:

(a) first, the amount of the difference between the chargeable income in the basis period for a year of assessment and the chargeable income for the year of assessment immediately preceding that year of assessment (hereinafter referred to as the “incremental amount of chargeable income”) shall be determined;

(b) next, the percentage of the incremental amount of chargeable income (hereinafter referred to as the “percentage of the incremental value”) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A - B}{B} \times 100$$

where A is the amount of chargeable income from a source consisting of a business of the qualifying person in the basis period for a year of assessment; and

B is the amount of chargeable income from a source consisting of a business of the qualifying person in the year of assessment immediately preceding that year of assessment;

(c) next, the amount of chargeable income exempted under subparagraph (1) shall be ascertained by applying the following formula:

(i) where the percentage of the incremental value is 20 per cent or more:

$$\frac{C}{D} \times E$$

where C is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the rate of 20 per cent;

D is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act; and

E is the incremental amount of chargeable income;

- (ii) where the percentage of the incremental value is 15 to 19.99 per cent:

$$\frac{C}{D} = X \times E$$

where C is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the rate of 21 per cent;

D is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act; and

E is the incremental amount of chargeable income;

- (iii) where the percentage of the incremental value is 10 to 14.99 per cent:

$$\frac{C}{D} = X \times E$$

where C is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the rate of 22 per cent;

D is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act; and

E is the incremental amount of chargeable income; or

(iv) where the percentage of the incremental value is 5 to 9.99 per cent:

$$\frac{C}{D} \times E$$

where C is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act reduced by the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the rate of 23 per cent;

D is the amount of tax charged on the incremental amount of chargeable income at the prevailing tax rate as provided for in paragraph 2 of Part I of Schedule 1 to the Act; and

E is the incremental amount of chargeable income.

(3) Where a qualifying person is a company which has a paid-up capital in respect of its ordinary shares of two million five hundred thousand ringgit and less or a limited liability partnership which has a total contribution of capital (whether in cash or

in kind) of two million five hundred thousand ringgit and less, at the beginning of the basis period for a year of assessment, the amount of chargeable income exempted under subparagraph (1) shall be ascertained in the following manner:

- (a) first, the incremental amount of chargeable income and the percentage of the incremental value shall be determined in the manner specified under subparagraphs (2)(a) and (b) respectively;
- (b) next, where the incremental amount of chargeable income is part of the amount of the first five hundred thousand ringgit of the chargeable income in the basis period for a year of assessment, the exemption under subparagraph (1) shall not apply to that incremental amount; and
- (c) next, where the incremental amount of chargeable income is part of the amount which exceeds the amount of the first five hundred thousand ringgit of the chargeable income in the basis period for a year of assessment, the amount of chargeable income exempted under subparagraph (1) shall be ascertained by applying the formula under subparagraph (2)(c) according to the percentage of the incremental value determined under subparagraph (a) to any incremental amount of chargeable income which is not part of the amount of the first five hundred thousand ringgit of the chargeable income in the basis period for a year of assessment.

(4) For the purpose of subparagraph (2)(a), the incremental amount of chargeable income shall be ascertained without regard to any unabsorbed loss or unabsorbed allowance in the year of assessment and the year of assessment immediately preceding that year of assessment pursuant to—

- (a) subsection 43(2) of the Act;
- (b) paragraph 4 of Schedule 7A to the Act;
- (c) subsections 25(3), 25(4), 29(5), 29A(5), 29B(4), 29D(4), 29E(4), 29F(4), 29G(4), 29H(4), 29J(4), 29K(4) and 29O(6) and paragraphs 29L(3)(c), (4)(c), (5)(c) and (6)(c) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327]; and
- (d) any order made under section 127 of the Act or rules made under section 154 of the Act except in respect of the allowances under Schedule 3 to the Act.

Non-application

5. This Order shall not apply to a qualifying person who in the basis period for a year of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986;
- (c) has been granted an exemption under section 127 of the Act;
- (d) has made a claim for group relief under section 44A of the Act;
- (e) is an investment holding company under section 60F or 60FA of the Act;
- (f) is a unit trust which is defined under subsection 63C(5) of the Act; or
- (g) has a debt that has been released under subsection 30(4) of the Act.

Made 10 April 2017

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)]LD.14(SK.11); LHDN.01/10.5-1/60-21; PN(PU2)80/LXXXIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]